



“KE ARAH CELIK MUAMALAH ISLAM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَتَاءِلَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا
الرِّبَآءَ أَضْعَافًا مُضَعَّفَةً صَلَّى وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اِتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَتَاءِلَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan sebenar-benarnya kepada Allah SWT. Kita laksanakan dengan sungguh-sungguh segala suruhan serta meninggalkan segala larangan-Nya.



Semoga dengan kesungguhan kita untuk menjadi hamba Allah SWT dan umat Nabi Muhammad SAW yang terbaik akan dirahmati dan diberkati oleh-Nya.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk: **"KE ARAH CELIK MUAMALAH ISLAM"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Dunia sekarang menyaksikan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi yang semakin pesat dan hebat. Semakin hari semakin bertambah taraf ekonomi umat selari dengan perkembangan teknologi moden. Tidak terkecuali juga di Malaysia.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Institusi perbankan Islam bermula seawal 1970an lagi, hanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini masyarakat dunia mulai memberi perhatian serius terhadap sistem patuh syariah yang bebas riba dan unsur-unsur penyelewengan lantaran kemelut dan krisis yang melanda sistem kewangan konvensional ketika ini yang berasaskan riba.

Menyedari hakikat inilah, Islam sejak daripada awal lagi telah mengharamkan urus niaga berasaskan riba yang amat terkait dengan unsur-unsur kezaliman, penindasan dan eksplorasi.

Allah SWT menegaskan secara khusus bahawa urus niaga berasaskan riba' tidak akan sesekali mendapat barakah, malah boleh membawa kepada kecelakaan dan kesengsaraan.



Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 276;

يَمْحُقُ اللَّهُ الْرِبَا وَإِرْبَى الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُ كُلَّ
كَفَارٍ أَثِيمٍ



"Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa".

Justeru, sudah tiba masanya umat kembali kepada sistem ekonomi Islam yang bukan sahaja bebas unsur riba', tetapi yang lebih utama ialah menjunjung prinsip keadilan dan kebijakan dalam urus niaga, bebas daripada sebarang penindasan dan kezaliman. Keuntungan yang diperoleh melalui jalan halal akan menjamin keberkatan. Sebaliknya keuntungan atas angin melalui urus niaga riba' hanya akan menjerumuskan umat manusia kepada kecelakaan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Ketahuilah bahawa sistem ekonomi Islam amat mementingkan aspek keadilan dan keseimbangan antara kebebasan individu dengan maslahah awam dan soal agama dengan perkara-perkara keduniaan. Prinsip ekonomi dalam Islam tidak hanya bermatlamatkan kebendaan semata-mata tetapi turut bermatlamatkan ibadah yang membolehkan kita mendapat pahala jika diusahakan dengan niat kerana Allah SWT dan mendapatkan keredhaan-Nya.



Perbezaan yang paling utama di antara sistem ini dengan sistem konvensional ialah ketelitian tentang halal dan haram yang sudah pasti menjadi tonggak kepada kesucian harta. Perbankan konvensional sememangnya tidak patuh kepada prinsip Syarak dan bebas menggunakan transaksi atau urusniaga riba' dalam segala urusan mereka.

Inilah bukti betapa Islam sangat mementingkan soal halal dan haram bahkan Allah SWT memberi amaran keras untuk memerangi golongan yang menghalalkan riba.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 278-279;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ فَإِنَّ لَمْ تَفْعِلُوا فَإِذْنُوا بِحَرْبٍ مِّنْ أَنَّ اللَّهَ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

ص

٢٧٨

٢٧٩

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya perang dari Allah dan Rasul-nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang



demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita hayati bersama perkara-perkara berikut supaya kita tidak terjebak dengan muamalah yang tidak selari dengan islam antaranya adalah;

Pertama : Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang kewangan Islam.

Ketahuilah bahawa negara kita telah mengorak langkah seiring dengan wawasan Islam untuk memartabatkan perbankan dan kewangan Islam. Inilah antara usaha pihak pemerintah sehingga lahirlah institusi kewangan Islam yang sedia ada. Oleh itu, carilah sebanyak mungkin ilmu pengetahuan mengenai sistem kewangan Islam.

Kedua : Berurusniaga dan melabur selaras dengan konsep halal

Islam tidak menghalang umatnya melabur atau berurusniaga selagi tidak dicemari dengan perkara-perkara haram. Bahkan, pelaburan itu juga harus demi meningkatkan ekonomi umat. Tetapi ingat, melaburlah di tempat-tempat yang betul dan selamat dari sebarang unsur riba' dan haram. Awaslah dengan sebarang bentuk skim yang diiklankan dan dipromosikan seperti skim cepat kaya atau pelaburan di dalam amanah-amanah saham yang tidak patuh syariah.



Ketiga : Menyimpan wang demi masa depan.

Bersederhana dan elakkan pembaziran dalam menguruskan ekonomi rumah tangga. Amalkan budaya menabung untuk waktu kecemasan dan masa hadapan. Simpanlah wang di institusi kewangan atau bank yang mengamalkan tatacara pengurusan kewangan berteraskan Islam.

Keempat : Kawal penggunaan kad kredit

Antara produk kewangan Islam yang ditawarkan ialah kad kredit Islamik yang patuh syariah. Tidak dinafikan bahawa kad kredit ini menjadi salah satu cara untuk memudahkan urusan jual beli. Namun berwaspadalah dalam menggunakan supaya kita tidak terbeban dengan hutang yang melampau. Elakkan daripada menjadikan kad kredit sebagai alat untuk berbelanja sakan mengikut kehendak nafsu.


Kelima : Mengurus hutang dengan bijak

Memang tidak dinafikan kita tidak dapat lari daripada berhutang terutama dalam pembelian kereta dan rumah. Namun demikian, kita perlu sedar akan tahap kemampuan kewangan kita supaya hutang tersebut tidak membebankan kita nanti. Elakkan daripada berhutang dengan ceti haram, Ah Long atau bank-bank yang mengamalkan riba' kerana akibat yang akan ditanggung bukan sahaja kepada kita



bahkan keluarga juga akan terlibat sama dengan masalah ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ
الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَنُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ
قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ
الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَأَنْتَهُ فَلَهُ وَمَا
سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ^ص عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ
^صالنَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ



"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan "bahawa sesungguhnya berjual beli (berniaga) itu sama dengan riba". Allah membolehkan (menghalalkan) jual beli dan melarang (mengharamkan) riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhan-Nya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserah kepada



Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya".

(Al-Baqarah : 275)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتْهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِهَا الْذِينَ إِذَا مَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَنْ تَحْفَظَ
بَعْيَنِ عِنَائِيكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِيكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah



golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.